



Mengendalikan kerjaya

KEHAMILAN, KEIBUAN MALAYSIA

ARTIKEL

JUL 9, 2020

Dapatkan info tentang kelayakan pekerja semasa dan selepas kehamilan untuk mereka yang bakal menjadi ibu bapa buat pertama kali dalam artikel ini.

Listen

Know your maternity leave entitlements.

Maklumkan kepada ketua anda secepat mungkin supaya anda mempunyai alasan yang baik untuk menghadiri janji temu hospital.

Kelayakan cuti bersalin

Apakah kelayakan pekerja wanita?

Mengendalikan kerjaya

Cuti bersalin

- Cuti bersalin anda bermula dari tarikh anda melahirkan anak
- Anda boleh kembali ke tempat kerja tidak kurang daripada dua minggu selepas bersalin
- Jika anda bekerja di sektor swasta, tempoh cuti bersalin anda adalah minimum 60 hari dan 90 hari jika anda bekerja di sektor kerajaan dan beberapa negeri tertentu di Malaysia

Bila masanya untuk memaklumkan ketua anda

- Tidak ada peruntukan undang-undang dalam Akta Pekerjaan 1955 yang menyatakan bahawa anda perlu memaklumkan majikan yang anda hamil tetapi kontrak pekerjaan mungkin memerlukan anda untuk memaklumkan mereka. Sila hubungi jabatan Sumber Manusia untuk mendapatkan kepastian.
- Anda mungkin mendapati lebih baik memaklumkan mereka secepat mungkin, jadi anda mempunyai alasan yang baik untuk menghadiri janji temu hospital (anda berhak mendapat cuti berbayar untuk janji temu antenatal)

Cuti paterniti

- Pasangan anda berhak mendapat cuti paterniti berbayar (semak dengan majikan pasangan anda)

Penafian: Kandungan ini dikongsi sebagai bahan untuk maklumat sahaja dan bukan sebagai penggantian untuk nasihat pakar/perubatan, diagnosis atau rawatan. Anda dinasihati supaya sentiasa dapatkan nasihat profesional kesihatan untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan keadaan perubatan/situasi khusus.

Rujukan:

1. <https://www.globalcompliancenews.com/2022/04/20/malaysia-employment-amendment-bill-2021-key-amendments-to-the-employment-act-1955-06092022/>
2. <https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2022/03/781909/approved-amendments-employment-act-covering-paternity>

